



Tutorial ICT

Bersama FIRKHAN
sembangict@yahoo.com



Fungsi, operasi ROM Android

SECARA umumnya, ROM itu adalah singkatan bagi *Read Only Memory* atau Memori Bacaan Sahaja. Namun begitu bagi sistem Android, ROM merupakan sistem pengoperasian yang mengendalikan peralatan Android sama ada telefon pintar atau tablet.

Setiap peralatan berasaskan Android adalah berbeza kerana setiap pihak pengeluar perkakasan Android akan membuat pengubahsuaian mengikut kehendak mereka. Sebagai jenama telefon lain dilihat tidak sama dengan jenama saigannya walaupun menggunakan sistem Android yang sama.

Selain ROM yang rasmi ini, terdapat juga pihak atau kumpulan yang membangunkan ROM sendiri yang diubah suai untuk mengikut cita rasa masing-masing. ROM pihak ketiga ini dibangunkan dengan pelbagai jenis tujuan. Terdapat juga segelintir peminat yang membangunkannya secara individu.

Seperti mana yang terdapat dalam sesebuah jenama telefon, terdapat fungsi atau perkara tertentu yang tidak dapat diperolehi daripada sistem Android. Begitulah juga dengan ROM pihak ketiga atau yang diubah suai ini. Kemungkinan terdapat konfigurasi tidak normal seperti biasa atau gaya layarannya yang berbeza dan lain-lain lagi.

Namun begitu, suatu masa dahulu, kepentingan utama dalam penggunaan ROM yang boleh diubah suai dalam sistem Android adalah mudah untuk menerima apa sahaja kemas kini terbaru yang terdapat dalam sistem Android. Kebanyakan gajet Android yang murah dan pelbagai jenama ini tidak mempunyai sistem tersendiri untuk mengemas kini sistem Android pada ketika itu.

Kini, kebanyakan gajet berasaskan Android berupaya dan mempunyai sistem tersendiri untuk mengemas kini sistem dengan kemas kini yang terbaru. Oleh itu, penggunaan ROM yang boleh diubah suai tidak lagi popular digunakan dalam sistem Android.

Penggunaan ROM yang boleh diubah suai secara tidak betul dalam sistem Android boleh menyebabkan beberapa risiko seperti kehilangan fungsi-fungsi tertentu dalam sistem Android sedia ada seperti kehilangan fungsi kamera, kehilangan pertimbangan dan tidak stabil.

Terdapat banyak menu berfungsi dalam ROM yang boleh diubah suai ini seperti kawalan menerusi notifikasi, penyahan *Bloatware*, kebenaran aplikasi granular dan lain-lain.